



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
ISNIN 21 OKTOBER 2019**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2. 3. 4.	RM3 JUTA NAIK TARAF TIGA JETI, NASIONAL, SH -9 PROGRAM REZEKI TANI UBAH HIDUP PENIAGA NASI LEMAK, NASIONAL, SH -9 RM3MIL ALLOCATED TO UPGRADE 3 JETTIES, NATION, SIN CHEW DAILY -6 SIM: MIDDLE MAN FACTOR IS MAIN CAUSE OF FISH PRICE HIKE, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A2	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
5.	TANAMAN TEMBIKAI DI BACHOK, PASIR PUTEH JANA PENDAPATAN RM25 JUTA, NEGERI, HAKAKAH -N12	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
6. 7. 8. 9. 10.	PESAWAH RUGI PADI DITENGGELAMI AIR, SINAR NEGERI SELANGOR/KL, SH -30 SAWAH SUDAH DIBAJAK, BENIH PADI TIADA, UTARA, HAKAKAH -N18 MENTERI BESAR KELIRU, UTARA, HAKAKAH -N18 ZAMRI MAHU BANTU BUMIPUTERA, BISNES SINAR,SH -21 BOLEH BINA JENAMA SENDIRI, BISNES SINAR, SH -22	LAIN-LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

# RM3 juta naik taraf tiga jeti

## Usaha tingkat kemudahan infrastruktur asas nelayan Tanjung Piai

NOR AZURA MD AMIN

PONTIAN

Sebanyak RM3 juta disalurkan bagi membina semula dan menaik taraf jeti di Jeram Batu, Sungai Boh dan Pengkalan Penghulu sebagai usaha meningkatkan kemudahan infrastruktur asas nelayan di kawasan Parlimen Tanjung Piai.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, projek pembinaan tiga jeti itu dijangka bermula pada tahun hadapan dengan pelbagai kemudahan akan dibina seperti kawasan tambatan bot, gerai makan dan jeti memancing.

"Ketiga-tiga projek ini dilaksanakan bukan sebab Pilihan Raya Kecil (PRK) Tanjung Piai. Peruntukan yang diterima daripada Unit Penyelaras dan Pelaksanaan (ICU) ini sebenarnya sudah dipohon



Salahuddin (tengah) berbincang mengenai projek bina semula dan naik taraf jeti di Jeram Batu, Pekan Nanas di Pontian semalam.



Jeti Nelayan Pengkalan Penghulu Serkat.



Salahuddin melihat keadaan jeti sewaktu walkabout di Jeti Sungai Boh, Pontian semalam.



Salahuddin (tiga dari kiri) menyerahkan replika cek peruntukan naik taraf tiga jeti di Pengkalan Penghulu, Serkat semalam.

Ahli Parlimen Tanjung Piai terdahulu iaitu Allahyarham Datuk Md Farid Md Rafik.

"Projek jeti ini termasuk dalam 17 projek di Tanjung Piai berjumlah RM14.7 juta. Mesyuarat Kabinet telah meluluskan serta-merta peruntukan yang telah dipohon oleh Allahyarham sebelum ini," katanya ketika

mengadakan walkabout di Jeti Pengkalan Penghulu, Serkat di sini semalam.

Terdahulu, Salahuddin turut melawat jeti di Jeram Batu dan Sungai Boh.

Turut serta, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mohd. Sallehuddin Hassan; Timbalan

Ketua Setiausaha (Pembangunan) Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salim Parlan; Timbalan Pengarah Pembangunan Persekutuan Negeri Johor, Dr Mohd Khalid Abdul Samad dan Ketua Pengarah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, Jamaludin

Othman.

Salahuddin seterusnya menyatakan komitmen untuk membantu nelayan dengan penglibatan keluarga mereka dalam perniagaan kecil-kecilan seperti menjual makanan.

"Walaupun saya bukan wakil rakyat di sini tetapi saya anak Serkat. Kita bukan nak bantu nelayan sahaja tetapi anak, isteri, saudara nelayan juga hendak dibantu, kerana itu ada program Rezeki Tani, Rezeki Nelayan dan Rezeki Ternak," katanya.

Sementara itu, Ketua Pengkalan Nelayan Jeti Pengkalan Penghulu, Jahuri Nawi, 64, berterima kasih atas peruntukan disalurkan kerajaan bagi menaik taraf jeti Pengkalan Penghulu Serkat.

Katanya, jeti berkenaan menempatkan sebanyak 100 bot nelayan pantai dengan kemudahan disediakan seperti tempat pendaratan ikan dan laluan pejalan kaki.

"Syukur nelayan di sini dapat tengok jeti berubah wajah dengan kemudahan lebih elok antaranya gerai dan tempat memancing. Terima kasih kepada kerajaan," katanya.

## Program Rezeki Tani ubah hidup peniaga nasi lemak

PONTIAN - Berhujan berpanas demi mencari rezeki berniaga nasi lemak dan kuih-muih di hentian bas.

Itulah lumrah hidup yang dilalui Suriati Moh, 47, dari Kampung Serkat Laut sewaktu mula berniaga kira-kira enam tahun lalu.

Dengan pendapatan yang tidak menentu, dia tidak pernah berputus asa mencari rezeki setiap hari demi menyara enam orang anaknya yang kini berusia 22 hingga 12 tahun.

Tempahan kuih dan nasi lemak dari resort serta chalet di Tanjung Piai mula diterima, sekali gus menambah rezekinya sehingga mampu mencapai pendapatan sekitar RM800 sebulan.

Suriati bersyukur dan ya-

kin perniagaannya akan berkembang dengan adanya bantuan Rezeki Tani di bawah kelolaan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Dipilih oleh Jabatan Perikanan membolehkan dia menerima bantuan peralatan memasak.

"Syukur sangat, sebelum ini peralatan tidak cukup untuk penuhi tempahan pelanggan.

"Peralatan memasak seperti pengisar, kukus dan dapur gas sangat diperlukan. Sebelum ini ada juga peralatan memasak yang disewa, lepas ini saya tidak perlu sewa lagi," katanya ketika ditemui selepas penyerahan bantuan Rezeki Tani di rumahnya di Kampung Serkat Laut di sini semalam.

Sementara itu, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, kementerianya komited membantu golongan miskin dan miskin tegar meningkatkan taraf hidup dengan mencipta pendapatan sendiri melalui program Rezeki Tani.

Seramai 300 orang penerima telah diluluskan di bawah program Rezeki Tani di seluruh negara. Nilai bantuan peralatan berkaitan yang diterima adalah maksimum RM10,000 seorang menjelang suku ketiga tahun ini.

Salahuddin berkata, keutamaan diberikan kepada peserta berpengalaman dan berkemahiran melakukan perniagaan kecil-kecilan berasaskan penternakan, perikanan



Salahuddin (juman) menyerahkan peralatan memasak di bawah Program Rezeki Tani kepada Suriati di rumahnya di Kampung Serkat Laut, Pontian semalam.

dan pertanian.

"Orang-orang muda dalam kalangan keluarga yang miskin mengusahakan bengkel atau perusahaan kecil sebagai con-

toh madu kelulut.

"Kementerian akan bantu dapatkan peralatan agar mereka mampu menyara hidup dan keluarga," katanya.



Headline	RM3mil allocated to upgrade 3 jetties		
MediaTitle	Sin Chew Daily		
Date	21 Oct 2019	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	288,920
Page No	6	Readership	866,760
Language	Chinese	ArticleSize	290 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,788
Frequency	Daily	PR Value	RM 26,364



沙拉胡丁（中）巡访北干那那惹兰峇株码头，向相关单位了解提升工程计划的进展；左三莫哈末沙列胡丁，右起杨敦祥及莫哈末卡立。

## 農長兌現法力生前承諾 撥300萬提升3碼頭

（笨珍20日讯）“我们只是前来兑现已故原任丹絨比艾区国会议员生前的申请与承诺。”

农业及农基工业部长拿督斯里沙拉胡丁今日上午一连巡访丹絨比艾区3个渔民码头，聆听官员汇报进展，并宣布拨款300万令吉提升码头。

不过，他强调，这是已故原任丹絨比艾国会议员兼首相署副部长拿督威拉法力拉非克，于生前为选区所提呈的申请，他今日并非为了特定“理由”而来。

他指出，上述拨款将用作整修3个渔民码

头及基础设施，这些码头分别位于北干那那惹兰峇株（Jeram Batu）、咸水港双溪柏（Sungai Bah）、以及实叻角彭加兰本乌鲁（Pengkalan Penghulu）。

上述3个渔民码头的工程将于明年展开，工程项目包括船只系统化停靠区、维修船只及引擎区、饮食档及垂钓码头，相信完工后可吸引垂钓客到访。

沙拉胡丁在巡视上述3个渔民码头后召开新闻发布会披露，已故法力拉非克生前向联邦政府申请1470万令吉的拨款，用作提升选区。

## 法力拨款申请 获批

他说，法力拉非克的申请已被带入内阁会议中讨论，并于上个星期获批；其中3项申请获首相署执行及协调单位（ICU）批准，并由农业及农基工业部负责执行。

他也说，该部接下来也会考虑提升龟咯甘榜马来由码头（Kampung Melayu Kukup），并放眼探讨提升全国各地的渔民码头。

陪同出席者包括农业及农基工业部秘书长拿督莫哈末沙列胡丁、柔州联邦发展局副局长莫哈末卡立、大马渔业发展局局长嘉玛鲁丁、北干那那区州议员杨敦祥。

Headline	Sim : Middle man factor is main cause of fish price hike		
MediaTitle	Nanyang Siang Pau		
Date	21 Oct 2019	Color	Full Color
Section	National	Circulation	27,667
Page No	A2	Readership	83,000
Language	Chinese	ArticleSize	272 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,421
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,264



## 中间人导致鱼贵 沈志勤：需结构性解决方案

(檳城 20 日讯) 农业及农基工业部副部长沈志勤指出，鱼价贵主要是中间人因素。

他说，海夫捕鱼上岸后，鱼被送往市场出售给消费者前，需经过三、四层中间人，结果鱼价被抬高。

他昨晚在光夫举办有关向

各区乡村社区管理理事会成员剖析 2020 年马来西亚财政预算案的解说会上，针对出席者在问答环节上询问，既然政府有发出援助金给渔民，也补贴渔民买渔网，为何市场上的鱼还卖得那么贵，这么回应。

沈志勤说，该部自己知道中间人的因素造成鱼价昂贵，但是复杂的问题，需要更多时间研究对策，也需要结构性的解决方案，包括考虑向日本学习设立拍卖市场，即渔夫捕得鱼后带到市场拍卖，任何人都可现场竞标，以供应及需求来决定价钱，价高者得。

此外，他表示，无法承诺一定会落实设立拍卖市场的概念，但一定会设法研究各项方案，以减低人民的生活负担。



沈志勤指鱼价昂贵是因为中间人因素。



## Tanaman tembikai di Bachok, Pasir Puteh jana pendapatan RM25 juta



Ustaz Tuan Mohd Sapudin  
Tuan Ismail.

**Tanaman musk melon di Dun Kijang.**

**KOTA BHARU:** Setiap Dewan Undangan Negeri (Dun) di Kelantan akan mempunyai hasil pertanian untuk ditonjolkan kepada masyarakat sebagai satu tarikan agro pelancongan.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi dan Alam Sekitar, Ustaz Tuan Saripudin Tuan Ismail berkata, beberapa pembaharuan dilakukan untuk menyemarakkan hasrat mewujudkan satu Dun satu produk pertanian.

"Setiap Dun disarakan menampilkan produk pertanian kebanggaan masing-masing menerusi penganjuran Karnival Jajahan

Agro al Falah Bertani Satu Ibadah," katanya di sini.

Tuan Saripudin yang juga Adun Selising berkata lagi, beberapa kawasan Dun sudah dikenali keluaran hasil pertanian masing-masing.

Antaranya Dun Panchor dengan produk air tuak (nira), Jelawat penternakan serta kuih tradisional dan Selising industri asas Tani.

Dun Pasir Tumbuh pula sebagai zon ikan patin, Pantai Irama penternakan lembu sado dan Tawang zon fertigasi.

Menurutnya juga Jabatan Pertanian Kelantan menetapkan jajahan tertentu melaksanakan tanaman tembikai, durian dan tanaman

kontang.

"Usaha itu dilakukan oleh agensi tersebut sejak 2018 dengan mengenal pasti bilangan usahawan yang menjalankan sektor pertanian berkenaan.

"Tanaman tembikai di Bachok dan Pasir Puteh melibatkan kawasan seluas tanaman 1,257 hektar berjaya menjana pendapatan RM25 juta.

"Tanaman durian pula dilaksanakan di Jeli, Kuala Krai, Gua Musang, Tanah Merah dan Machang," ujarnya.

Tanaman kontang yang mengambil masa tidak melebihi setahun membabitkan jajahan seperti Bachok, Tumpat, Tanah Merah dan Pasir Mas.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/10/2019	SINAR HARIAN	SINAR NEGERI SELANGOR / KL	30

## ***Pesawah rugi padi ditenggelami air***

**SABAK BERNAM** - Hujan lebat mengakibatkan beberapa kawasan penanaman padi di Panchang Bedena di sini rosak dan ditenggelami air.

Sebelum ini, rata-rata pesawah dihimpit dengan masalah ketiadaan benih padi tapi kini berdepan pula dengan masalah padi yang baharu ditanam rosak akibat digenangi air.

Pesawah, Napiyah Idris, 60, berkata, dia baharu sahaja membelanjakan wang sebanyak RM1,350 bagi kaedah tanaman padi secara calit.

"Saya bimbang jika keadaan berterusan pokok padi lebih ba-

nyak rosak atau mati akibat digenangi air terlalu lama," katanya.

Napiyah berkata, masalah itu dipercayai berpunca daripada air parit yang mengalir masuk ke dalam petak sawah dan akhirnya menenggelamkan pokok padi.

"Air parit penuh disebabkan pam penyedut air yang disediakan JPS (Jabatan Pengairan dan Saliran) rosak sejak dua tahun lalu," katanya.

Pesawah dari Parit 7, Roslan Hasan, 52, pula berkata, dia buntu apabila hampir keseluruhan enam hektar sawah padinya ditenggelami air dan dianggarkan mengalami kerugian RM12,000.



**Napiyah (kanan) menunjukkan masalah pokok padi yang ditanamnya ditenggelami air di Sabak Bernam semalam.**

# Sawah sudah dibajak, benih padi tiada

Oleh MOOR SARA MASHITOH

**KANGAR:** Kerja-kerja membajak sawah sudah dua kali dilakukan dan bekalan air juga dilepaskan, namun benih padi pula tiada.

Sedangkan musim kedua penanaman padi sepatutnya bermula 5 Oktober lepas, namun sehingga sekarang hanya separuh pesawah yang memperolehi bekalan benih padi.

Isu tersebut menghairatkan kira-kira 300 pesawah di Kam-

pung Surau, Utan Aji masih lagi menunggu bekalan benih padi sejak dua bulan lalu.

Bekalan yang dihantar pembekal sejak minggu lalu belum mencukupi untuk mengerjakan sawah.

Seorang pesawah Wan Hassan Wan Ismail berkata, bekalan yang dihantar masih belum mencukupi untuk menampung keperluan pesawah.

"Bekalan benih padi ada daripada jenis padi kebal, di-

mana pesawah diwajibkan membeli racun yang terpilih, jika mereka mahu mengunakannya.

"Sebahagian besar petani tidak mampu untuk membeli benih padi jenis tersebut kerana harganya mahal sehingga mencecah RM80 satu set bersama racun," katanya di sini.

Malah kata beliau kos meningkat kepada RM200 bagi mengerjakan satu pertiga hektar sawah.

Sebelum ini, lebih 600 pe-

sawah di sini buntu apabila benih padi masih belum diperolehi walaupun pengagihan sepatutnya dibuat akhir Septembar lepas.

Menurutnya juga ada sebahagian pesawah terpaksa membeli benih padi walaupun bakal menghadapi risiko padi angin.

"Saya berharap pertara ini dapat diselesaikan segera memandangkan musim penanaman padi yang lama bermula," katanya.



Bendang padi sudah dua kali dibajak, namun benih padi tiada.



21/10/2019

HARAKAH

UTARA

N18

Kedah mahu import benih padi

# Menteri Besar keliru

Oleh SARINA ISMAIL

**ALOR SETAR:** Menteri Besar Kedah Dato' Seri Mukhriz Mahathir dianggap keliru apabila mendakwa kerajaan negeri terpaksa mengimport benih padi dari luar memandangkan benih di negeri itu kurang bermutu.

Pengerusi Lajmah Asas Tani PAS Kedah, Mejar (B) Mansor Zakaria berkata, sebelum ini Kementerian tidak membenarkan import benih padi dari luar bagi mengelakkan terjejas mutu padi.

"Tidak boleh sewenang-

wangnya buat keputusan hendak import benih padi dan sebagainya kerana ia adalah barang kawalan.

"Di Malaysia hanya syarikat tertentu sahaja yang boleh mengeluarkan atau menjual benih padi," katanya di sini.

Pesawah di Perak, Kedah dan Perlis sekarang berdepan kesukaran mendapat benih padi bagi membolehkan mereka menanam padi bagi musim kedua yang sepatutnya bermula September lepas.

Mansor yang juga Adun Kuala Ketil berkata, benih

padi dikawal kerajaan namun pesawah terpaksa membeli dengan harga yang mahal.

"Pembekal mengambil kesempatan menjual dengan harga yang mahal walaupun mendapat subsidi daripada kerajaan.

"Sepatunya pesawah boleh mendapat dengan harga yang murah tetapi apa berlaku sekarang di sebaliknya," katanya.

Merunutnya juga Mada perlu memanfaatkan Persekitaran Peladang Kawasan (PPK) untuk membangun semula kilang-kilang milik



Mejar (B) Mansor Zakaria membincangkan isu petani bersama ahli Jawatankuasa Lajmah Asas Tani PAS Kedah.

bumiputera namun kurang diberi perhatian Mada.

Kata beliau di Kedah terdapat 12 kilang padi milik bumiputera namun kurang si Mada dan Mada Corp perlu memahami jadual penanaman padi yang disusun agensi itu.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/10/2019	SINAR HARIAN	BISNES SINAR	21

SINAR HARIAN • ISNIN 21 OKTOBER 2019 | [moja.bisnes@sinarharian.com.my](mailto:moja.bisnes@sinarharian.com.my)

# BISNES Sinar

SAHABIT NIAGA



**O**LLEY Food Industries syarikat yang diterajui anak muda dari Rembau kira-kira lapan tahun lalu ini merupakan antara syarikat bumiputera berjaya serta boleh dijadikan contoh dalam pengeluaran produk berasaskan sarang walit dan roselle. Pengarahnya, Zamri Abu, 39, berkata, syarikatnya mempunyai matlamat bukan hanya bagi meningkatkan pengeluaran syarikat sendiri dalam dua produk utama berkenaan, bahkan memberi peluang kepada bella bumiputera lain untuk sama-sama bergelar usahawan. Menurutinya, matlamat itu mendapat sambutan baik serta menggalakkan apabila sebanyak lima usahawan dari lima negeri iaitu di Kedah, Kuala Lumpur, Terengganu, Sabah dan Sarawak telah menggunakan khidmat Olley Food Industries sebagai syarikat pengeluar peralatan tulen (OEM) dalam mendapatkan produk bermutu tinggi berasaskan sarang burung walit dan roselle untuk dipasarkan. "Olley Food Industries mempunyai misi dan sasaran untuk memastikan bella Bumiputera dapat memanfaatkan peluang serta ruang yang ada dalam bidang perniagaan lebih-lebih lagi berasaskan makanan kesihatan dan minuman. "Kita bersedia membimbing bella Bumiputera untuk bergelar usahawan melalui dua produk utama ini iaitu sarang burung walit dan roselle," katanya kepada *Bisnes Sinar* ketika ditemui di Bengkel Asas Tani, Chengkau, baru-baru ini.

>>MS22

17

Perkhidmatan ORIGINAL EQUIPMENT (EQUIPPED) FARM

## Zamri mahu bantu bumiputera

OLLEY FOOD INDUSTRIES BERAZAM MARTABAT USAHAWAN TEMPATAN



# Boleh bina jenama sendiri

## ZAMRI GALAKKAN USAHAWAN BUMIPUTERA MILIK BISNES SENDIRI



Zamri (kiri) ketika meninjau penghasilan produk berasaskan sarang burung walit dan roselle di Bengkel Asas Tani, Chengkau, Rembau baru-baru ini.

**S**ARANG burung walit dan juga roselle sememangnya sudah lama diketahui umum sebagai produk berkhasiat bukan hanya untuk kesihatan dalaman tubuh badan bahkan untuk membantu kesihatan luaran bagi mencantikkan kulit.

Sarang burung walit merupakan makanan eksotik yang sangat popular sejak zaman dahulu lagi terutamanya dalam kalangan masyarakat Cina dan antaranya terbukti dalam membantu memperbaiki masalah penafasan, menguatkan jantung dan anti-penuaan.

Manakala, roselle pula dikatakan sebagai tumbuhan herba yang mempunyai kandungan vitamin C, mineral dan serat serta antioksidan juga untuk melambatkan proses penuaan.

Menurut Pengarah Olley Food Industries, Zamri Abu, khasiat dua produk utama itu menjadikan produk syarikat berkenaan begitu istimewa sehingga mendapat permintaan menggalakkan iaitu sekurang-kurangnya 15,000 botol dalam tempoh masa sebulan.

"Khasiat sarang burung walit dan juga roselle sememangnya sudah terbukti, baik melalui kajian saintifik mahupun dalam perubatan alternatif. Bagaimanapun, apa yang menjadi persoalan ialah sejauh mana produk yang dijual di pasaran adalah benar-benar tulen.

"Oleh itu, kita di Olley Food Industries sangat mengutamakan soal ketulenan, status halal produk serta jaminan keselamatan produk yang kita keluarkan di sini," katanya kepada Sinar Harian ketika ditemui di Bengkel Asas Tani, Chengkau, di sini, baru-baru ini.

Zamri berkata, buat masa ini, pihaknya

mendapatkan bekalan sarang burung walit di beberapa lokasi di daerah Jempol (Negeri Sembilan) iaitu di Bahau, Serting dan ada juga dari Kelantan.

Menurutnya, pihaknya juga bersedia menerima bekalan dari mana-mana usahawan Bumiputera yang mengusahakan sarang burung walit sebagai galakkan untuk memartabatkan lagi usahawan Bumiputera.

"Setakat ini, permintaan memang tinggi bagi sarang burung walit dan juga roselle. Bagi sarang burung walit, kita mempunyai sebuah kilang bagi memproses sarang burung itu di Pusat Pembangunan Usahawan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan di Jempol.

"Manakala, bagi tanaman roselle pula, kita berjaya mencapai persetujuan dan persefahaman melalui ladang kontrak seluas 50 ekar di Sabah yang dikendalikan oleh beberapa individu dan organisasi berasaskan koperasi," katanya.

Jelas Zamri, permintaan bagi tanaman roselle sememangnya sangat tinggi dan pihaknya sehingga kini masih lagi "terpaksa" bergantung kepada tanaman roselle yang di bawa masuk dari luar negara.

"Kita sasarkan pada masa hadapan untuk dapat mewujudkan ladang kontrak roselle seluas 100 ekar di Sabah bagi menampung keperluan produk berasaskan tanaman berkenaan. Buat masa ini, kita berjaya mewujudkan 50 ekar ladang kontrak roselle di Sabah.

"Selain itu, sebuah kilang pengeringan Roselle telah didirikan di Tuaran, Sabah dengan bantuan Mara dan menjadi kilang pertama berasaskan roselle di Borneo. Ujar beliau, permintaan kedua-dua



Zamri (kanan) ketika melihat perancangan serta sasaran penghasilan produk Olley Food Industries oleh salah seorang pekerjanya.

produk berkenaan sangat tinggi dan pihaknya bersedia untuk menerima dua produk berkenaan dari usahawan bumiputera bagi memastikan produk dapat dihasilkan dengan lancar tanpa masalah bekalan bahan utama.

### Galak bumiputera bina jenama sendiri

Zamri berkata, bagi menyokong usaha memperkasakan lagi produk Bumiputera serta melahirkan lebih ramai bella bergelar usahawan, Olley Food Industries memberi peluang kepada golongan berkenaan untuk membina jenama sendiri.

Jelas beliau lagi, syarikatnya mempunyai kemampuan untuk mengeluarkan pelbagai jenis produk berasaskan dua produk utama berkenaan iaitu sarang burung walit dan juga roselle.

"Hanya dengan harga pakej serendah RM3,000 ataupun minimum 500 botol, bella yang mahu bergelar usahawan berasaskan dua produk utama yang ditawarkan boleh mendapatkan khidmat bimbingan serta nasihat di syarikat ini.

"Malah, kita juga memberikan bantuan khidmat teknikal serta sokongan dalam program usahawan berkenaan bagi memberi pengetahuan kepada pengguna khasiat sarang burung walit mahupun roselle.

Menurut Zamri secara umumnya, masih ramai lagi individu yang tidak mengetahui ciri-ciri produk berasaskan sarang burung walit serta mudah tertipu dengan produk yang dijual di pasaran.

Katanya, semua kelebihan produk sarang burung walit itu akan diterangkan kepada usahawan yang berminat

mendapatkan bantuan mengeluarkan produk di syarikatnya.

"Pengguna mudah tertipu apabila menganggap lapisan yang terdapat dalam produk sarang burung walit itu merupakan sarang burung walit, sedangkan, produk itu sepatutnya larut dalam air.

"Apa yang bertaku apabila ada pihak mencampurkannya dengan 'white fungus'. Di syarikat ini, kita mengeluarkan produk sarang burung walit 100 peratus tulen serta sesuai untuk pelbagai jenis golongan baik dari kanak-kanak hinggalah ke usia emas," katanya.

Kata Zamri, pihaknya menyasarkan dapat meningkatkan lagi pengetahuan pengguna khususnya usahawan mengenai sarang burung walit yang tulen.

"Selain itu, kita juga meletakkan sasaran untuk melahirkan lebih ramai usahawan terutamanya golongan berpendapatan rendah (B40) untuk bergelar usahawan sarang burung walit mahupun roselle.

"Dengan hanya modal serendah RM3,000 mereka boleh mendapat kauntungan hampir RM10,000 dan ini dibuktikan oleh lima usahawan terdahulu yang sudahpun mencapai sasaran. Keuntungan masing-masing," katanya.

Zamri berkata, pihaknya kini menyasarkan untuk

memperkenalkan produk keluaran Olley Food Industries iaitu sarang burung walit serta roselle ke luar negara.



Zamri memulau peluang kepada usahawan bumiputera membina jenama sendiri.